

CNS1146

R CE 20-08 00163 BA685

aab

Mahathir - Makanan

SHAH ALAM, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah yang lebih berkesan perlu dilaksannaknn bagi mengubah imej Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar makanan berkost tinggi.

Perdana Menteri berkata dalam memajukan revolusi industri makanan ke arah tahun 2020; usaha perlu dibuat untuk menjadikan Malaysia negara yang mampu mengeluarkan bahan pertanian dan komoditi makanan pada harga yang dapat menyaingi bahan import.

Katanya, beberapa jenis komoditi makanan menunjukkan bahawa kos pengeluaran seperti upah, sewa tanah dan sasaran margin pulangan kepada pengusaha semakin meningkat.

Ini perlu diatasi, katanya ketika melancarkan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan di Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam di sini.

Beliau berkata industri pengeluaran makanan perlu menerokai hubungan dengan pembangunan sektor pembuatan secara menggunakan bahan-bahan mentah dari luar yang diproses di sini dalam usaha menjadikan peranan makanan yang diproses sebagai faktor penggerak industri berasaskan pertanian: -- Lagi

♥20/08/13-59MST

U CC 20-08 00185 BH105.

aab

Mahathir - Makanan 2 Shah Alam

Sektor pertanian, perindustrian dan pembuatan perlu berperanan sebagai sektor sokongan dan berkaitan bagi mencapai matlamat ke arah negara maju dalam tahun 2020, kata Perdana Menteri, sambil menyeru semua pihak supaya menyusun satu cara baru dan lebih berani untuk melangkah jauh dalam pengurusan, budaya kerja dan inovasi.

Beliau bagaimanapun berkata bahawa, dalam memajukan revolusi industri makanan, industri itu juga perlu mengambil kiro aspek keselamatan makanan asas ke satu tahap yang sesuai, selaras dengan peningkatan jumlah penduduk negara dan komponen-komponen penting makanan.

Katanya, dengan keluasan tanah yang sama sedangkan jumlah penduduk dijangka bertambah kepada 70 juta dari 18 juta orang sekarang, tanah perlu digunakan secara lebih efisien bagi menombak keluaran pertanian dan makanan.

+Walaupun tanah kita tidak cukup, kita tidak akan menceroboh negara orang,+ kata Perdana Menteri secara berseloroh, yang disombut dengan gelak ketawa lebih 1,000 jemputan di majlis itu.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menyarankan agar diperkukuhkan konsep Persyarikatan Malaysia dalam industri pertanian makanan, khususnya dalam bidang pengeluaran makanan dan pengintergrnsian sektor pertanian dan pembuatan. -- Lagi

♥20/08/15-50MST

CNS1224

U CC 20-08 00203 BH106

aab

Mahathir - Makanan 3 Shah Alam

Beliau juga berkata satu persekitaran +perniagaan dan pelaburan+ dalam sektor pertanian harus diwujudkan dengan jelas, yang memerlukan pelaburan yang tinggi serta pengurusan projek yang cekap dan berisiko tinggi bagi menarik penyertaan lebih ramai pelabur asing.

Katanya, dengan meningkatnya pendapatan per kapita rakyat serta pertumbuhan ekonomi negara, corak permintaan bahan-bahan makanan juga akan turut berubah ke arah bahan-bahan yang lebih bermutu seperti daging, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Ini memerlukan penyesuaian bekalan bahan-bahan itu dengan permintaan- serta penambahan pengeluarannya bagi menyelaraskannya dengan daya belanja yang meningkat, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri turut menggesa industri makanan tempatan mempersiapkan diri bagi menghadapi jangkaan pertumbuhan permintaan makanan yang mempunyai faedah kesihatan serta perubahan permintaan oleh pengguna.

Katanya, walaupun kesedaran rakyat terhadap pengeluaran hasil-hasil makanan secara organik semakin bertambah dan mereka sudahpun mula memilih makanan kurangnya kandungan kolestrol, usaha-usaha perlu ditingkatkan ke arah meningkatkan kesedaran dan pentingnya rakyat memakan makanan berkhasiat tinggi dan berzat.

Sebelum itu, Perdana Menteri berkata para peladang, penternak, nelayan perlu mengubah sikap ke arah menjadi generasi peladang, penternak dan nelayan yang serba menyetahui supaya tidak ketinggalan setelah negara mencapai taraf negara maju. -- Lagi

♥20/08/16-07MST

CNS1225

U C13 20-08 00158 BH107

aab

Mahathir - Makanan 4 Shah Alam

Katanya, selain peka kepada perubahan, peladang, penternak dan nelayan sendiri perlu bersikap lebih inovatif, meningkatkan kepakaran dan berusaha secara lebih gigih bagi merebut peluang pelaburan dalam sektor pertanian.

Beliau juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada Penternak Ikan Jaya Kebangsaan, Penternak Jaya, Nelayan Jaya dan Peladang Jaya dan Pertubuhan Peladang Jaya.

Anugerah Penternak Ikan Jaya dimenangi oleh Encik See Quar Har dari Rawang; Penternak Jaya oleh Chulam Rasul Datuk Abdul Rahim dari Kelantan; Nelayan Jaya oleh Encik Hussain Majid dari Kedah; Peladang Jaya (Lelaki) oleh Haji Awang Taha dari Terengganu dan Peladang Jaya (Wanita) oleh Hajah Siti Rona Kechil dari Negeri Sembilan.

Anugerah Pertubuhan Peladang Jaya dimenangi oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Sabak Bernam, Pertubuhan Nelayan Jaya oleh Pertubuhan Nelayan Kawasan Endau, Kampung Idaman Nelayan oleh Kampung Kelanang, Kuala Langat, Selangor manakala Kampung Idaman Peladang oleh Kampung Endah, Batu Laut, Selangor. -- Bernama

♥20/08/16-07MST